

## **TALKING POINTS**

**Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**PERJUMPAN STAF AKADEMIK (KEJAYAAN MENANTI) BERSAMA NAIB CANSELOR**

19 Februari 2020 (Rabu), 9.00 pagi

Auditorium Canselori

Terima kasih Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanirrahim, Assalaamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat**  
Ketua Pegawai Operasi

Dekan-Dekan Fakulti, Tuan-Tuan, Puan-Puan, hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

1. Peratusan pensyarah berkelayakan PhD yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi **Non-RU adalah 60%** dan RU adalah 75%.
2. Setakat ini, peratusan pensyarah berkelayakan PhD di UTeM adalah 56.86%, yang mana kita masih berada di bawah sasaran yang ditetapkan (masih kekurangan 3.14%)

3. Pada bulan Disember jumlah staf dengan kejayaan menanti seramai 83 orang dan kini telah menurun kepada 75 orang dengan pecahan 49 orang staf cuti belajar dalam negara, 26 cuti belajar luar negara.
4. Seramai 8 orang telah berjaya mendapat PhD.
5. Tempoh staf untuk mengemukakan keputusan rasmi pengajian adalah enam (6) tahun dari tarikh kelulusan cuti belajar.

6. Bagi menyelesaikan perkara ini, pihak fakulti hendaklah memberikan sokongan dan dorongan kepada staf yang terlibat untuk menamatkan pengajian dengan jayanya setelah staf lapor diri di fakulti.
7. Difahamkan, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak fakulti bagi membantu staf yang telah lapor diri, iaitu:
  - a. Perjumpaan staf secara bersemuka bersama pihak pengurusan fakulti untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh pensyarah yang terlibat;

- b. Menghadiri kursus supervisor – supervisee, bagi membimbing dan memberi dorongan serta sokongan,
  - c. Pemantauan kemajuan secara bulanan.
- 8. Adalah menjadi harapan besar UTeM, untuk melihat semua pensyarah yang melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sarjana, mahupun PhD terutamanya, dapat menghabiskan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, sekaligus dapat menyumbang terhadap kadar GOT Universiti.

9. Kepakaran tuan-tuan dan puan-puan dalam bidang-bidang kritikal mahupun bidang pengkhususan amatlah diperlukan oleh Universiti bagi memperkasakan lagi proses P&P di Universiti ini.
10. Ingatlah, kita semua merupakan **scholars** dan **bakal scholars**, yang menyokong dalam pemerkasaan kesarjanaan ilmu di Universiti ini, untuk mencapai visi dan misi Universiti ini.
11. Sekian, terima kasih.